

Teliti semula peruntukan RM10j untuk produk halal

Dana tidak patut dipecahkan beberapa bahagian

Oleh Syalikha Sazili
syalikha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sedang berbincang dengan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, bagi memperhalusi peruntukan RM10 juta berhubung produk halal dalam Belanjawan 2020.

Menterinya, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, menjelaskan beliau tidak kecewa dengan jumlah dana itu, namun ia perlu diteliti secara lebih mendalam.

Beliau berkata, walaupun MED tidak seperti kementerian lain yang memerlukan peruntukan lebih besar, peruntukan diterima tidak seharusnya dipecahkan beberapa bahagian.

“Diikutkan kehendak saya dengan peluang besar pada peringkat antarabangsa bagi pasaran halal, RM10 juta memang tidak mencukupi. Saya boleh membawa aktiviti ini ke serata dunia untuk membuka pasaran halal.



Membangunkan produk halal memerlukan perbelanjaan lebih tetapi kita akan mengukurnya dengan belanjawan.

*Mohd Redzuan Yusof,
Menteri Pembangunan Usahawan*

“Membangunkan produk halal memerlukan perbelanjaan lebih tetapi kita akan mengukurnya dengan belanjawan. Buat masa ini, kita mahu ia dilaksanakan merentas kementerian.

“Dasar keusahawanan negara ialah kemakmuran bersama dan ini tanggungjawab kerajaan. Oleh itu, seelok-eloknya dapat menggunakan peruntukan secara terus dan bukan dipecah-pecahan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Majlis Penutup Konvensyen Pemerkasaan Koperasi Mahasiswa Kebangsaan 2019, di sini, semalam.

Belanjawan 2020 dibentangkan Guan Eng, Jumaat lalu, memperuntukkan RM10 juta kepada

MED bagi memberi tumpuan kepada khidmat nasihat dan kesedaran untuk pensijilan halal, pembangunan produk halal serta menyediakan platform bagi industri tempatan bersaing dalam pasaran halal antarabangsa yang kini dianggarkan bernilai AS\$3 trilion.

Mohd Redzuan dalam ucapannya pula berkata, pengajuran konvensyen terbabit mampu memperkasa koperasi mahasiswa dengan membantu meningkatkan potensi dan peranannya dalam pembangunan ekonomi sosial.

“Antara yang aktif ialah koperasi mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Berdasarkan rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), setakat 31 Disember 2018, ada 45 koperasi siswa di seluruh negara berdaftar dengan suruhanjaya itu membabitkan 1,432 anggota dan menjana perolehan sebanyak RM1.1 juta,” katanya.

Konvensyen tiga hari itu adalah antara inisiatif baharu MED melalui SKM bersama Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan koperasi mahasiswa di seluruh negara.

Fakta Nombor

45 koperasi

siswa di seluruh negara berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

RM1.1 juta

perolehan koperasi siswa setakat 31 Disember 2018